# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

26 Julai 2021
*26 July 2021*
P.U. (A) 315

## PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PENGECUALIAN LEVI) (NO. 3) 2021

## *PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (EXEMPTION OF LEVY) (NO. 3) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENGECUALIAN LEVI) (NO. 3) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) (No. 3) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021.

**Pengecualian levi**

2. Menteri mengecualikan mana-mana majikan yang Akta ini terpakai baginya dan yang berdaftar dengan Perbadanan bagi industri yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual untuk sektor atau aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (2) daripada membayar apa-apa levi yang dinyatakan di bawah seksyen 14 dan 15 Akta berkenaan dengan setiap pekerjanya.

**Ketidakpakaian**

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tidaklah terpakai bagi mana-mana majikan yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) (No. 4) 2021 [*P.U. (A) 316/2021*].